

Jawatankuasa fatwa buat keputusan setelah tujuh kali mesyuarat

ESQ akhirnya dapat lampu hijau

Oleh SUHANA MD. YUSOP
suhana.yusop@yahoo.com.my

PUTRAJAYA - Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia semalam memutuskan bahawa kursus Latihan Kepimpinan ESQ boleh dilaksanakan di negara ini dengan pengawasan sepenuhnya oleh panel syariah yang dilantik oleh ESQ Leadership Center Sdn. Bhd. (ESQ).

Pengerusi jawatankuasa itu, Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, keputusan itu dicapai setelah pihaknya membincangkan isu kursus ESQ sebanyak tujuh kali bermula April tahun lalu sehingga mencapai keputusan muktamad pada 16 Jun lalu.

"Muzakarah juga memutuskan supaya ESQ membuat perubahan dan memperbetulkan dengan segera fakta-fakta, kenyataan atau apa jua aktiviti, perlakuan yang boleh menimbulkan keraguan atau yang boleh ditafsirkan sebagai bertentangan dengan syariat Islam," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



ABDUL SHUKOR menunjukkan laporan mengenai isu kursus ESQ di Putrajaya semalam.

mengharamkan modul kursus motivasi anjuran ESQ itu kerana mendapati ajarannya menyeweleng daripada akidah dan syariat Islam.

Antaranya mendakwa bahawa para nabi mencapai kebenaran melalui pengalaman dan pencarian serta menekankan konsep suara hati sebagai sumber rujukan utama dalam menentukan baik dan buruk sesuatu perbuatan.

Menurut Abdul Shukor, pihaknya juga memutuskan kursus ESQ yang dipelopori Dr.

Ari Ginanjar Agustian dari Indonesia itu mendapat penganjuran sepenuhnya oleh panel syariah ESQ yang direstui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Jelas beliau, pihaknya juga bersetuju membuat ketetapan bahawa panel syariah ESQ perlu bertanggungjawab serta memantau sepenuhnya pementahan atau pindaan yang dibuat dan pelaksanaan tindakan tersebut hendaklah dilaporkan secara berterusan kepada muzakarah.

"Keputusan muzakarah itu dibuat berasaskan kepada beberapa pertimbangan, antaranya, ahli-ahli muzakarah bersetuju mengambil pendekatan berbincang, mendidik dan memperbetulkan keraguan yang ditimbulkan daripada terus menghukum.

"Jadi walaupun ini bukanlah asas kepada kita keseluruhannya tetapi kita melihat fakta-fakta yang ada boleh diperbetulkan maka dengan itu, kita mengatakan ESQ patut diberi peluang untuk meneruskan program di negara ini," jelas beliau.

Dalam pada itu, Abdul Shukor menegaskan pihaknya tidak mempertikaikan keputusan fatwa yang dibuat oleh Majlis Agama Wilayah Persekutuan yang diketuai Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh yang mengharamkan ESQ sebaliknya menghormati tindakan itu.

Bagaimanapun katanya, setakat ini, seramai 13 mufti dari negeri-negeri lain telah menyatakan yang mereka akur dan akan mengikut keputusan yang dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.